

Kumbahan berpusat di PD

Pembinaan projek jika diluluskan boleh mengatasi masalah pencemaran air, pertingkatkan industri pelancongan

Oleh Hussain Said

PORT DICKSON: Pencemaran air laut yang menjadi ancaman kepada industri pelancongan di kawasan peranginan di sini akan diatasi apabila kerajaan Persekutuan meluluskan pembinaan projek kumbahan berpusat.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata projek yang akan dilaksanakan dari Batu 1 hingga 13 itu perlu disegerakan bagi mengelakkan perairan di kawasan peranginan itu terus tercemar.

Katanya, masalah itu sekiranya tidak dapat diatasi mampu "membunuh" sektor pelancongan di Port Dickson yang bergantung kepada pantai dan laut bagi menarik kunjungan pelancong.

"Kes gatal-gatal selepas mandi di Port Dickson bukan perkara baru kerana ia berpunca daripada masalah pencemaran terutama pembuangan sisa kumbahan yang tidak dikawal seterusnya mencemarkan kualiti airnya.

"Kita melihat masalah ini adalah satu ancaman kepada industri pelancongan di kawasan berkenaan kerana ia akan menyebabkan orang ramai tidak lagi berminat untuk berkunjung.

"Jadi, pelaksanaan projek kumbahan berpusat itu perlu dilaksanakan bagi memastikan dan mengawal tidak ada lagi sisa kumbahan dari kawasan berdekatan terus disalurkan ke dalam laut," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Karnival Auto dan melawat projek menaik taraf dan penambakan pantai di kawasan peranginan di sini, baru-baru ini.

Mohamad berkata, kerajaan negeri turut berharap kerajaan Persekutuan akan

meluluskan cadangan pembinaan lebuhraya dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) ke Port Dickson dalam kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9).

Katanya, pembinaan lebuhraya itu penting bagi menjana pembangunan di kawasan sekitarnya selain dapat membantu merencanakan Port Dickson sebagai destinasi pilihan terutama pelancong yang transit di KLIA.

"Kita percaya ramai pelancong transit di KLIA akan memilih Port Dickson sebagai tempat berehat sementara menanti penerbangan mereka seterusnya apabila lebuhraya berkenaan siap.

"Jika ia siap, mereka hanya memerlukan 20 minit untuk ke Port Dickson dan sudah tentu jarak dan tempoh masa yang terhad itu menjadikan kawasan peranginan itu pilihan utama untuk berehat," katanya.

Mohamad berkata, beliau juga yakin Port Dickson akan menjadi tempat menginap kepada pasukan Formula Satu (F1) yang bertanding setiap tahun di Litar Sepang.

“Pasukan F1 suka menjadikan kawasan peranginan yang damai dan sunyi sebagai pilihan mereka untuk berehat”

Mohamad Hasan
Menteri Besar Negeri Sembilan



LAWAT: Pengarah Projek Kumpulan Dataran Segar Sdn Bhd, Mohd Azman Ahmad (kanan) mengiringi Mohamad meninjau Pantai Port Dickson.